

AEON CO. (M) BHD.

(Company No. 198401014307 [126926-H])

POLISI TENAGA

1. Kenyataan Polisi

AEON CO. (M) BHD. ("AEON") komited terhadap penambahbaikan berterusan dalam prestasi tenaga di semua cawangan, fasiliti dan pejabatnya. Syarikat akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan penggunaan tenaga serta menyokong usaha untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan kesan terhadap alam sekitar.

AEON akan melaksanakan tanggungjawabnya dengan menyediakan rangka kerja, sumber dan maklumat yang diperlukan bagi menetapkan dan mencapai objektif tenaga, serta memastikan penglibatan aktif dan kesedaran di kalangan semua pekerja dan pihak berkepentingan.

2. Objektif

AEON akan melaksanakan dasar ini melalui objektif-objektif berikut:

- (a) Mewujudkan, melaksanakan dan mengekalkan dasar tenaga ini serta memastikan ia dikomunikasikan, difahami dan boleh diakses oleh semua kakitangan yang bekerja untuk atau bagi pihak kami.
- (b) Menyediakan program kesedaran, latihan dan sumber yang diperlukan bagi memperkasakan pekerja untuk menyumbang secara aktif terhadap pencapaian matlamat prestasi tenaga syarikat.
- (c) Mematuhi serta menyemak secara berterusan semua keperluan undang-undang dan keperluan lain yang berkaitan dengan penggunaan dan kecekapan tenaga.
- (d) Mengintegrasikan pertimbangan peningkatan prestasi tenaga dan kawalan operasi dalam reka bentuk serta pengubahsuaian kemudahan, peralatan, sistem dan proses baharu atau sedia ada.
- (e) Memupuk amalan perolehan peralatan dan perkhidmatan yang cekap tenaga selaras dengan matlamat pengurusan tenaga syarikat.
- (f) Mengurangkan kos operasi dengan meningkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan penggunaan tenaga secara sistematik.
- (g) Mencapai tahap piawaian tertinggi yang praktikal dalam pengurusan tenaga di semua cawangan AEON.
- (h) Berkerjasama dan berhubung rapat secara berterusan dengan pihak-pihak berkaitan bagi menyokong peningkatan prestasi tenaga dan sistem pengurusan tenaga.

Dalam menjalankan aktiviti perniagaannya, pekerja AEON dan lain-lain yang terlibat adalah dijangka berusaha untuk:

- (a) Mengelakkan pembaziran penggunaan tenaga.
- (b) Mengenal pasti dan melaporkan peluang untuk menambahbaik prestasi tenaga.
- (c) Menyertai secara aktif dalam mencapai objektif dan sasaran tenaga syarikat.

3. Matlamat

AEON percaya bahawa pengurusan tenaga yang cekap mesti menjadi sebahagian penting dalam operasi harian kami. Pengurusan tenaga secara sistematik akan menjadi faktor utama dalam mencapai misi alam sekitar dan kewangan kami, sekaligus memastikan masa depan yang mampan untuk perniagaan dan komuniti kami.

